

**FAKTA NOMBOR****465,000**

Jumlah PKS

Abdul Wahid (tengah) menyampaikan replika cek kepada Pengerusi Eksekutif Kumpulan Romstar Sdn Bhd, Baharum Hamzah yang memenangi **Anugerah PKS Paling Inovatif 2013** pada SMIDEX 2013, di KLCC, semalam.

(FOTO EFFENDY RASHID/BH)

Dana RM18.4 bilion perkasanya program PKS

» **Peningkatan peruntukan permulaan kukuh ekonomi**

Oleh **Syuhada Choo Abdullah dan Suffian A Bakar**
bhnews@mediaprima.com.my

► **Kuala Lumpur**

Sebanyak 155 program dengan iltizam kewangan RM18.4 bilion dilaksanakan dapat memanfaatkan lebih 465,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS), tahun ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, jumlah itu meningkat berbanding peruntukan kira-kira RM7 bilion bagi melaksanakan 133 program tahun lalu, yang memberi manfaat kepada lebih 430,000 PKS merentasi semua sektor ekonomi.

"Peningkatan peruntukan tahun ini, termasuk RM8 bilion pembiayaan sektor swasta adalah permulaan kukuh bagi ekonomi diterajui sektor swasta yang kita impikan untuk Malaysia dengan kerajaan bertindak lebih sebagai fasilitator serta pengantar dan perusahaan swasta mengambil peranan," katanya dalam ucapan-tama pada Pameran Inovasi PKS (SMIDEX) 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Teks ucapan beliau disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Semak lesen perniagaan

Dalam pada itu, Najib berkata, kerajaan turut menyemak semula 767 lesen perniagaan di bawah bidang kuasa 22 Kementerian dan agensi kerajaan dengan 49 peratus daripadanya sudah dimansuh atau dipermudah sehingga menjimatkan kos pematuhan

perniagaan RM729 juta.

Katanya, sektor PKS yang dinamik adalah penting untuk kejayaan ekonomi negara dalam menghadapi ekonomi dunia yang tidak menentu dan amat kompetitif.

Justeru, beliau mengesahkan semua PKS di negara ini memainkan peranan, sekali gus berjanji kerajaan akan bekerjasama dengan berterusan menyediakan sistem sokongan berkesan untuk mengukuhkan lagi sektor itu.

Bagi menghadapi cabaran ekonomi global, katanya, PKS di negara ini mesti melaksanakan kaedah baru yang inovatif dalam menjalankan perniagaan, termasuk perubahan minda supaya tumpuan objektif perniagaan meliputi pertumbuhan jangka panjang.

Pelan Induk PKS

Justeru, katanya, Pelan Induk PKS memfokus kepada produktiviti dan inovasi dengan 32 inisiatif, termasuk enam

projek berpapak tinggi bermatlamat meningkatkan sumbangan makroekonomi sektor itu kepada 41 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP), 62 peratus pekerjaan dan 25 peratus eksport menjelang 2020.

"Bagi memanfaatkan sepenuhnya peralihan ini dan kekal berdaya saing dalam ekonomi global yang berkait, PKS perlu memadamkan sokongan kerajaan dengan pelaburan sendiri untuk mempertingkatkan kecekapan, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan reputasi serta imej produk mereka," katanya.

Pada majlis sama, Abdul Wahid menyampaikan hadiah wang tunai RM1 juta kepada Romstar Sdn Bhd yang merangkul Anugerah PKS Paling Inovatif 2013.

Selain itu, hadiah wang tunai RM200,000 turut disampaikan kepada setiap pemenang dalam enam kategori Anugerah Inovasi PKS 2013, iaitu Romstar (Perkhidmatan), INDKOM Engineering Sdn Bhd (Pembuatan), DataMicon System Sdn Bhd (Pembangunan Perisian dan ICT), Gading Kencana Sdn Bhd (Kejuruteraan dan Reka Bentuk Perindustrian), Furlay Bioextracts Sdn Bhd (Bioteknologi dan Teknologi Agro), serta Alam Sekitar Eco-Technology Sdn Bhd (Teknologi Hijau).